

Tidak pernah guna ISA untuk kekal kuasa — PM

UM 31 OCT 2003

KUALA LUMPUR 30 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata beliau tidak pernah menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) sebagai senjata untuk mengekalkan kuasanya secara peribadi mahupun mempertahankan kerajaan.

Katanya, Malaysia mengamalkan sistem demokrasi di mana kerajaan dipilih melalui proses pilihan raya di mana parti yang menang akan memerintah.

“Saya tidak nampak bagaimana saya boleh kekalkan kuasa secara peribadi melainkan kalau rakyat pilih saya ataupun pilih kerajaan,” kata Dr. Mahathir lagi dalam satu temu bual eksklusif bersama penerbitan Bahagian Keselamatan Negara, *Buletin Malaysia* di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai tuduhan pihak tertentu yang mendakwa Dr. Mahathir menggunakan ISA sebagai senjata ampuh beliau sendiri dan kerajaan untuk mengekalkan kekuasaan.

Menurut Dr. Mahathir tuduhan tersebut adalah tidak adil

sama sekali kerana selama tiga tahun pertama beliau menjadi Perdana Menteri lebih 600 orang tahanan dibebaskan tanpa syarat.

“Kita bebaskan mereka dan tidak ada sekatan dikenakan terhadap kebebasan mereka selepas itu,” katanya lagi.

Jelas Dr. Mahathir selepas pembebasan kesemua tahanan ISA berkenaan tiada lagi tahanan politik di bawah ISA dan yang ada cuma mereka yang mengancam keselamatan negara sahaja.

Mengenai keperluan mengekalkan ISA di negara ini yang dipertikaikan oleh pihak-pihak tertentu, beliau menjelaskan undang-undang ISA adalah satu bentuk pencegahan.

Menurut Dr. Mahathir undang-undang biasa dikuatkuasakan setelah sesuatu jenayah berlaku.

Bagaimanapun, ISA boleh dikuatkuasakan apabila kita tahu sesuatu yang merbahaya akan dilakukan yang mungkin akan menyebabkan kehilangan nyawa.

“Kalau kita membenarkan sesuatu perkara berlaku dan nyawa

sudah hilang baru kita bertindak itu sudah terlewat,” katanya lagi.

Ketika ditanya mengenai tempoh pelaksanaan ISA sama ada untuk jangka masa pendek atau panjang daripada sekarang, beliau tidak menafikan perkara tersebut boleh dikaji.

“Kita sudah kaji dan kita sudah mengelak daripada menggunakan ISA melainkan tekanan keselamatan negara. Kalau dulu kita bermasalah dengan komunis, kemudian kita bermasalah dengan ekstremis perkauman sekarang ini kita bermasalah pula dengan ekstremis agama.

“Jadi kita tidak tahu di masa depan apa jenis ekstremis yang akan muncul. Sebab itu kita perlu ada undang-undang yang boleh dianggap sebagai *preventive* (pencegahan),” jelas Dr. Mahathir.

Tambah beliau, peristiwa 11 September dan kejadian pengeboman di Bali tahun lalu menyedarkan pihak-pihak yang mempertikaikan ISA mengenai keperluan untuk melaksanakan undang-undang pencegahan.